

Dua agensi bersepadu banteras dadah

Sinar 15/05/2016 M/S 324

KALUMPANG - Usaha Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) membanteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan pemandu dan penunggang motosikal dipergiat menerusi usaha bersepadu bersama agensi penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Ketua Pegawai AADK Hulu Selangor, Zainorhilwa Ahmad Damawi berkata, usaha itu dilakukan melalui sekatan jalan raya di Stesen JPJ Kalumpang.


Menurutnya, sekatan jalan raya selama lima jam itu, berjaya mengesan beberapa pemandu di-syaki positif dadah.

"Ini antara usaha AADK dalam mengesan pemandu yang memandu di bawah pengaruh dadah selain langkah berkesan dalam membanteras penyalahgunaan dadah.

"Sasaran kita kepada pemandu berusia 25 tahun ke bawah dan penunggang motosikal serta orang kena pengawasan (OKP) yang gagal melaporkan diri," katanya kepada Sinar Harian di sini semalam.

Turut serta dalam operasi itu Ketua Pembantu Penguatkuasa JPJ Kalumpang, Suhaili Anong.

Zainorhilwa berkata, operasi yang berakhir jam 10 malam itu,



● Pegawai dan kakitangan AADK yang bertugas mengambil sampel hasil ujian air kencing pemandu. Gambar kecil, Zainorhilwa Ahmad Damawi

seramai 11 pemandu ditahan dan hasil ujian saringan air kencing mendapati mereka positif dadah.

Menurutnya, kebanyakan mereka adalah pemandu lori dan kereta sementara seorang penunggang motosikal.

"Mengikut statistik kebanyakan

remaja yang sering didapati berada di bawah pengaruh dadah. Justeru, sasaran kita kepada golongan remaja.

"Bagaimanapun, serentak dengan usaha JPJ membuat sekatan sempena musim cuti persekolahan, kita turut menahan beberapa

pemandu lain," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan mereka yang ditahan adalah pemandu lori yang membawa muatan berat dan membuat perjalanan jauh.

Katanya, trend pengambilan dadah pula lebih kepada syabu

dan heroin.

"Usaha ini akan diteruskan dari masa ke semasa dan kita akan bekerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasa dalam menangani gejala negatif ini," katanya

Sementara itu, Suhaili berkata, aktiviti sekatan jalan adalah rutin harian JPJ dalam mengesan pemandu bermasalah.

Menurutnya, pelbagai aspek pemeriksaan dilakukan termasuk permit dan lesen kenderaan, lori dan bas serta keadaan teknikal kenderaan terbabit.

"Ini adalah usaha bersepadu yang kita lakukan dalam mengenal pasti pemandu bermasalah dan juga bagi mengelak kelakuan samseng jalanan.

"Di sinilah usaha kita dalam mengatasi pemandu degil atau memandu dalam keadaan khayal," katanya.

Menurutnya, usaha sedemikian tidak hanya tertumpu di musim-musim perayaan atau kempen keselamatan tetapi melalui usaha berterusan.

Beliau turut memuji usaha AADK yang dianggap membantu dalam mengurangkan dan mengatasi sikap atau pemanduan tidak berhemah di kalangan pemandu jalan raya.